

25/06/2002

Hadi ucap terima kasih kepada semua pihak

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan semua pihak yang menguruskan jenazah Allahyarham Presiden parti itu, Datuk Fadzil Noor yang meninggal dunia, kelmarin.

Beliau juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang menghantar jenazah ke Kedah, polis serta Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM).

"Terima kasih juga kepada media massa yang memberi liputan meluas mengenai pemergian Allahyarham dan memberi imej tinggi kepada Allahyarham serta Pas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Pas di Ibu Pejabat parti itu di sini, malam ini.

Pada mesyuarat itu, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, turut mengumumkan keputusan mesyuarat yang meluluskan jawatan Presiden parti dipangku Abdul Hadi sehingga pemilihan parti tahun depan.

Nasharuddin berkata, jawatan timbalan dan naib-naib presiden kekal seperti sedia ada dan ini bermakna Abdul Hadi juga adalah timbalan presiden parti.

Mengenai jawatan ketua pembangkang, Abdul Hadi berkata, Pas akan menyerahkan kepada Speaker Dewan Rakyat untuk mengumumkannya pada sesi persidangan Dewan Rakyat akan datang.

"Kami akan berjumpa Speaker untuk berbincang mengenai perkara ini. Pas juga akan berbincang dengan parti gabungan pakatan pembangkang untuk mendapatkan pandangan mereka," katanya.

Ditanya kritikan media berbahasa Cina bahawa kepimpinan beliau dikatakan terlalu ekstrim, Abdul Hadi berkata, itu satu ramalan dan beliau hanya akan menjawab kritikan itu melalui tindakannya.

Mengenai calon Pas bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, beliau berkata, itu akan hanya diumumkan selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengisytiharkan tarikh penamaan calon.

Mengenai keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara, katanya, Pas tidak akan mengambil kesempatan terhadap apa yang berlaku dalam Umno kerana menganggap ia masalah dalaman parti itu.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka), berkata parti itu menyerahkan kepada Pas untuk menentukan pengganti Fadzil sebagai Ketua Pembangkang.

"Mengikut tradisi parti pembangkang yang mempunyai majoriti akan menentukan di kalangan mereka siapa Ketua Pembangkang," katanya.

(END)